



ARCHIVE UNIT
PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHYIAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

KERATAN AKHBAR / NEWSPAPER CUTTING

Rencana

Num / AA87 / BH / 3.7.2026 / P:12 (1-3)

Jumaat, 3 Julai 2026 **BH**

Reformasi passport, MyKad perkasa ekosistem keselamatan identiti

● Pembaharuan passport dan MyKad bergerak sebagai sebahagian daripada transformasi lebih besar dalam pengurusan identiti, imigresen dan keselamatan sempadan negara

● Pelancaran Passport Malaysia Antarabangsa struktur baharu dan pelaksanaan MyKad generasi baharu adalah langkah tepat, strategik dan berpandangan jauh



Oleh Dr Rusnawati Ismail
bhrencana@bh.com.my

Pelancaran Passport Malaysia Antarabangsa (PMA) versi baharu melalui Jabatan Imigresen (JIM) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, serta pelaksanaan MyKad struktur baharu oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), adalah bukti jelas kerajaan bukan sekadar bercakap mengenai reformasi, tetapi melaksanakan pembaharuan dapat dirasakan terus rakyat.

Dari sudut passport, PMA struktur

kesihatan, pendidikan, bantuan sosial, subsidi dan pengesahan identiti harian.

Apabila keselamatan MyKad dipertingkatkan, ia akan membantu mengurangkan risiko penyalahgunaan identiti, tuntutan bantuan pihak tidak layak dan ketirisan dalam pelaksanaan subsidi bersasar.

Dalam keadaan ancaman pemalsuan dokumen, penyalahgunaan identiti, sindiket rentas sempadan dan penipuan digital semakin kompleks, dokumen seperti MyKad dan passport wajar dilihat sebagai instrumen keselamatan negara.

Laporan mengenai ancaman MyKad palsu menunjukkan isu ini bukan kecil. MyKad palsu

sebenarnya boleh menjejaskan keselamatan negara dan reputasi passport Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Kejayaan penguatkuasaan ini menjadi bukti kerajaan bukan sahaja menambah baik ciri fizikal dokumen, tetapi turut memperkukuh ekosistem keselamatan identiti secara menyeluruh.

Kekuatan sebenar pendekatan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di bawah Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail ialah gabungan kepimpinan berpandangan jauh dan pelaksanaan praktikal untuk rakyat.

Beliau meletakkan isu dokumen pengenalan diri dan perjalanan sebagai sebahagian daripada agenda keselamatan nasional, pada masa sama

Pensyarah
Kanan Kolej
Undang-Undang,

ciri sebelum ini. Antara ciri penting yang ada termasuk elemen visual, tersembunyi dan forensik seperti hologram, cetakan ultraviolet, guilloche, latent image, rainbow printing dan ciri keselamatan lain yang direka bagi menyukarkan pemalsuan, pengubahsuaian serta penyalahgunaan dokumen perjalanan negara.

Kerajaan turut memperkenalkan pilihan tempoh sah laku passport sehingga 10 tahun bagi warganegara berumur 18 tahun ke atas. Ini memberi manfaat langsung kepada rakyat kerana mereka tidak perlu memperbaharui passport terlalu kerap.

Pelaksanaan secara berfasa di 71 pejabat passport seluruh negara mulai bulan ini juga menunjukkan pendekatan kerajaan tersusun, bukan tergesa-gesa.

Dari sudut MyKad pula, versi baharunya akan memperkukuh sistem identiti nasional melalui peningkatan daripada 23 kepada 53 ciri keselamatan.

Antara ciri yang diperkenalkan ialah turian laser, ultraviolet, hologram, guilloche, teks mikro, kod QR bagi tujuan penguatkuasaan dan cip dengan tahap enkripsi dipertingkatkan.

Ini menjadikan MyKad bukan sahaja lebih sukar dipalsukan, tetapi juga lebih sesuai dengan keperluan keselamatan digital semasa.

Pembaruan MyKad ini juga penting

kerana MyKad adalah dokumen paling asas dalam kehidupan rakyat. Ia digunakan untuk urusan kerajaan, bank,

sup ke dalam sistem negara, mendapatkan akses kepada kemudahan awam dan menyukarkan proses penguatkuasaan.

Pemalsuan identiti boleh membuka ruang kepada jenayah terancang, pemerdagangan manusia, penipuan subsidi dan kelemahan kawalan sempadan.

Begitu juga dari sudut PMA, ancaman terhadap dokumen perjalanan negara adalah nyata. Kejayaan JIM menumpaskan sindiket pemalsuan dokumen dan penyalahgunaan proses permohonan PMA, termasuk penahanan seorang pegawai-nya disyaki menjadi 'pemudah cara' membuktikan pembaruan ini bukan langkah kosmetik.

Ia adalah tindak balas tegas terhadap ancaman

Pembaruan ini selari dengan pelaksanaan Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (MyNIISe) yang dijadual menggantikan sistem lama MyIMMs digunakan lebih 20 tahun

orang ramai.

Bukti keutamaan Kerajaan MADANI

Kerajaan tidak menjadikan pembaruan ini satu beban kepada lebih 20 juta pemegang MyKad. Sebaliknya, KDN mengambil pendekatan transisi munasabah, dokumen lama kekal sah, pertukaran dibuat secara berfasa melalui sistem janji temu dan rakyat diberi masa menyesuaikan diri.

Inilah contoh dasar bukan sahaja berpandangan jauh dari segi keselamatan, tetapi praktikal dari segi pelaksanaan.

Pada masa sama, pelancaran PMA versi baharu memberi isyarat politik dan pentadbiran jelas agenda keselamatan dokumen negara adalah keutamaan Kerajaan MADANI.

Reformasi pentadbiran tidak hanya terhadap kepada dasar besar ekonomi dan sosial, tetapi turut merangkumi perkara asas menyentuh kehidupan rakyat setiap hari, termasuk identiti, keselamatan, sempadan dan kecukupan perkhidmatan.

Pembaruan ini selari dengan pelaksanaan Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (MyNIISe) yang dijadual menggantikan sistem lama MyIMMs digunakan lebih 20 tahun dan tidak lagi mencukupi menangani cabaran keselamatan global, jumlah pergerakan tinggi serta keperluan integrasi data semasa.

Ini menunjukkan pembaruan passport dan MyKad bergerak sebagai sebahagian daripada transformasi lebih besar dalam pengurusan identiti, imigresen dan keselamatan sempadan negara.

Kesimpulannya, pelancaran PMA struktur baharu dan pelaksanaan MyKad generasi baharu adalah langkah tepat, strategik dan berpandangan jauh.

Ia memperkukuh keselamatan negara, melindungi identiti rakyat, meningkatkan keyakinan antarabangsa yang sudah sedia teguh di tangga ketiga pada 2025 sebagai antara passport paling berkuasa di dunia berdasarkan Indeks Penaragan Passport (RPI) terhadap passport Malaysia, memudahkan urusan rakyat dan mengurangkan ruang eksploitasi sindiket pemalsuan dokumen.

Lebih penting, pembaruan ini membuktikan reformasi sedang diterjemahkan kerajaan melalui penyampaian nyata, praktikal dan memberi manfaat langsung kepada rakyat daripada keselamatan identiti, kemudahan perjalanan, pengurangan ketirisan, sehinggalah kepada keyakinan negara sedang bergerak ke arah sistem pentadbiran lebih moden, selamat dan berkesan.

